

D.R. 19/2014

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2014

SUSUNAN FASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas
2. Pindaan Akta

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
4. Pindaan seksyen 5
5. Pindaan seksyen 29
6. Pindaan seksyen 46
7. Pindaan seksyen 48
8. Pindaan seksyen 60
9. Pindaan seksyen 60^{AA}
10. Pindaan seksyen 60ⁱ
11. Pindaan seksyen 75^B
12. Pindaan seksyen 77^C
13. Pindaan seksyen 91
14. Pindaan seksyen 99
15. Pindaan seksyen 107^C
16. Seksyen baru 110^c
17. Pindaan seksyen 112
18. Pindaan seksyen 115
19. Pindaan seksyen 120
20. Pindaan Jadual 1
21. Pindaan Jadual 3
22. Pindaan Jadual 6
23. Pindaan Jadual 7^A

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Fasal

24. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
25. Pindaan seksyen 39
26. Pindaan seksyen 49A

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

27. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
28. Pindaan seksyen 21B
29. Pindaan Jadual 2

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAB I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 2014.

Pindaan Akta

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*] dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bab II, III dan IV.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967

3. (1) Seksyen 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 12 dan 16, subperenggan 20(a)(i), (ii), (iii) dan (v), subsubperenggan 20(a)(iv)(B), perenggan 20(b), seksyen 21, perenggan 22(b) dan (c), dan seksyen 23 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 11, 13 dan 14, perenggan 15(a), seksyen 17, 18 dan 19, subsubperenggan 20(a)(iv)(A) dan perenggan 22(a) mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Perenggan 15(b) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (f), dengan menggantikan noktah bertindih di hujung perenggan itu dengan noktah; dan

(ii) dengan memotong proviso kepada subseksyen itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) For the purpose of ascertaining the chargeable income of a person under subsection (1), any amount or income received by that person which is subject to deduction of tax under section 109C, 109E or 109G shall be excluded.”.

Pindaan seksyen 29

5. Seksyen 29 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (3)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “or” di hujung perenggan itu; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) between individuals who are relatives of each other; or”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Subject to subsection (3) and for the purposes of this section, where a relevant person is entitled to any gross income—

(a) accruing in or derived from Malaysia to which section 25, section 27 other than subsection 27(1A), or section 28 applies;

(b) the amount of which relates to any transactions—

(i) between persons one of whom has control over the other;

(ii) between individuals who are relatives of each other; or

(iii) between persons both of whom are controlled by some other persons; and

(c) the amount of which first becomes receivable to the relevant person in the relevant period,

the relevant person is deemed to be able to obtain on demand the receipt of such amount in the basis period immediately following the relevant period.

(5) In this section, “relative” and “transaction” have the meanings assigned to them under subsection 140(8).”.

Pindaan seksyen 46

6. Subseksyen 46(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “five” dengan perkataan “six”; dan
- (b) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “five” dengan perkataan “six”.

Pindaan seksyen 48

7. Perenggan 48(2)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “five” dengan perkataan “six”.

Pindaan seksyen 60

8. Seksyen 60 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4B) subseksyen yang berikut:

“(4C) For the purposes of ascertaining the adjusted income of the life fund, shareholders’ fund or general business referred to in subsection (3), (3A), (4), (4A), (5) or (6), as the case may be, the cost of acquiring and realizing any investments or rights for the basis period for a year of assessment shall include expenses incurred in managing those investments or rights, and such expenses incurred shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where A is the cost of acquiring any investments or rights which is realized in that period in respect of such fund or general business;

- B is the total cost of acquiring all investments or rights held during that period in respect of such fund or general business; and
- C is the total expenses incurred in that period for managing all investments or rights held during that period in respect of such fund or general business.”.

Pindaan seksyen 60AA

9. Seksyen 60AA Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (5)(b)—

- (i) dalam subperenggan (iii), dengan memasukkan selepas perkataan “business” perkataan “carried out in accordance with the principle of *mudharabah*”; dan
- (ii) dalam subperenggan (viii), dengan memasukkan selepas perkataan “general business” perkataan “carried out in accordance with the principle of *mudharabah*”;

(b) dalam perenggan (7)(b)—

- (i) dalam subperenggan (iii), dengan memasukkan selepas perkataan “Malaysian general certificate” perkataan “of that business carried out in accordance with the principle of *mudharabah*”; dan
- (ii) dalam subperenggan (viii), dengan memasukkan selepas perkataan “general business” perkataan “carried out in accordance with the principle of *mudharabah*”;

(c) dalam subseksyen (9)—

(i) dalam perenggan (a)—

- (A) dalam subperenggan (iii), dengan menggantikan perkataan “family fund, general fund, inward re-takaful fund, offshore fund or

family re-takaful fund” dengan perkataan “general fund, inward re-takaful fund, offshore fund or family re-takaful fund, or any other fee receivable in respect of an investment fund from the family fund”;

(B) dalam subperenggan (iv), dengan memotong perkataan “and” di hujung subperenggan itu; dan

(C) dengan memasukkan selepas subperenggan (v) subperenggan yang berikut:

“(vi) the amount of actuarial surplus from the family fund that is transferred to the shareholders’ fund; and”;

(ii) dalam perenggan (b)—

(A) dalam subperenggan (iii), dengan menggantikan perkataan “family and general businesses” dengan perkataan “general business carried out in accordance with the principle of *wakalah*”; dan

(B) dalam subperenggan (iv), dengan memasukkan selepas perkataan “general business” perkataan “carried out in accordance with the principle of *wakalah*”; dan

(d) dalam subseksyen (10)—

(i) dalam perenggan (a)—

(A) dalam subperenggan (iii), dengan menggantikan perkataan “family fund, general fund, inward re-takaful fund, offshore fund or family re-takaful fund” dengan perkataan “general fund, inward re-takaful fund, offshore fund or family re-takaful fund, or any other fee receivable in respect of an investment fund from the family fund”;

(B) dalam subperenggan (iv), dengan memotong perkataan “and” di hujung subperenggan itu; dan

(C) dengan memasukkan selepas subperenggan (v) subperenggan yang berikut:

“(vi) the amount of actuarial surplus from the family fund that is transferred to the shareholders’ fund; and”; dan

(ii) dalam perenggan (b)—

(A) dalam subperenggan (iii), dengan menggantikan perkataan “family and general businesses” dengan perkataan “general business carried out in accordance with the principle of *wakalah*”; dan

(B) dalam subperenggan (iv), dengan memasukkan selepas perkataan “general business” perkataan “carried out in accordance with the principle of *wakalah*”; dan

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (10) subseksyen yang berikut:

“(10A) For the purposes of ascertaining the adjusted income of the family fund, general fund or shareholders’ fund referred to in subsection (3), (4), (5), (7), (9) or (10), as the case may be, the cost of acquiring and realizing any investments or rights for the basis period for a year of assessment shall include expenses incurred in managing those investments or rights, and such expenses incurred shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where A is the cost of acquiring any investments or rights which is realized in that period in respect of such fund;

- B is the total cost of acquiring all investments or rights held during that period in respect of such fund; and
- C is the total expenses incurred in that period for managing all investments or rights held during that period in respect of such fund.”.

Pindaan seksyen 60i

10. Seksyen 60i Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) For the purposes of subsections (1) and (3), the company referred to in those sections shall include a unit trust which is approved by the Securities Commission as Real Estate Investment Trust or Property Trust Fund.”.

Pindaan seksyen 75b

11. Seksyen 75B Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Where in a year of assessment, a partnership or a company has converted into a limited liability partnership in accordance with the Limited Liability Partnerships Act 2012—

- (a) every partner of the partnership shall continue to be personally assessable and chargeable to tax for that year of assessment and for any previous year of assessment before the conversion in respect of his chargeable income for any such year of assessment; and
- (b) the limited liability partnership shall be assessable and chargeable to tax for that year of assessment and for any previous year of assessment before the conversion in respect of the chargeable income of the company for any such year of assessment.

(4) Where the limited liability partnership is so assessable and chargeable under paragraph (3)(b), it shall be assessable and chargeable to tax in like manner and to the like amount as the company would have been assessed and charged to tax prior to the conversion.”.

Pindaan seksyen 77c

12. Subseksyen 77c(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “other than gains or profits in respect of the use or enjoyment of benefits provided by his employer under paragraph 13(1)(b) or (1)(c)”; dan
- (b) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “for a period of twelve months”.

Pindaan seksyen 91

13. Seksyen 91 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) The Director General, where for any year of assessment it appears to him that no or no sufficient assessment has been made on a person chargeable to tax in consequence of the Director General’s determination pursuant to subsection 140A(3), may in that year or within seven years after its expiration make an assessment or additional assessment, as the case may be, in respect of that person in the amount or additional amount of chargeable income and tax or in the additional amount of tax in which, according to the best of the Director General’s judgment, the assessment with respect to that person ought to have been made for that year.”.

Pindaan seksyen 99

14. Subseksyen 99(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “section 138A” perkataan “or any practice of the Director General generally prevailing at the time when the assessment is made”.

Pindaan seksyen 107c**15.** Seksyen 107c Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4A), dengan memasukkan selepas perkataan “where a company” perkataan “resident and incorporated in Malaysia”; dan
- (b) dalam subseksyen (12), dalam takrif “due date” dengan menggantikan perkataan “tenth” dengan perkataan “fifteenth”.

Seksyen baru 110c**16.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 110B seksyen yang berikut:**“Set-off for tax charged on actuarial surplus under takaful business**

110c. (1) Notwithstanding section 110, where for a basis period for a year of assessment an amount of actuarial surplus from the family fund of an operator is transferred to the shareholders’ fund pursuant to subparagraph 60AA(9)(a)(vi) or 60AA(10)(a)(vi), any amount of tax charged on the portion of that surplus shall be set off against the tax charged on the chargeable income from the shareholders’ fund of that operator in respect of the family business.

(2) Where—

- (a) tax is set off under this section against the tax charged on the chargeable income of an operator from its shareholders’ fund in respect of family business for a year of assessment and the amount of the tax set-off exceeds the tax charged for that year, the excess shall be disregarded; or
- (b) there is no tax charged for that year, so much of the amount of tax that would otherwise be set off but for the absence of such tax charged shall be disregarded.

(3) For the purposes of this section, tax charged on the chargeable income of an operator from its shareholders' fund in respect of family business shall consist of an amount of tax before taking into account the tax set-off under section 110.

(4) The portion of the surplus referred to in subsection (1) shall be ascertained in accordance with the formula prescribed by the Minister.”.

Pindaan seksyen 112

17. Subseksyen 112(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “two thousand” dengan perkataan “twenty thousand”.

Pindaan seksyen 115

18. Subseksyen 115(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “two thousand” dengan perkataan “twenty thousand”.

Pindaan seksyen 120

19. Subseksyen 120(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “two thousand” dengan perkataan “twenty thousand”.

Pindaan Jadual 1

20. Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam Bahagian I—

(i) dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan yang berikut:

“1. Except where paragraphs 1A, 2, 2A, 2D, 3 and 4 provide otherwise, income tax shall be charged for a year of assessment upon the chargeable income of every person at the following rates:

Rang Undang-Undang

<i>Chargeable Income</i>	<i>RM</i>	<i>Rate of Income Tax</i>
For every ringgit of the first	5,000	0 per cent
For every ringgit of the next	15,000	1 per cent
For every ringgit of the next	15,000	5 per cent
For every ringgit of the next	15,000	10 per cent
For every ringgit of the next	20,000	16 per cent
For every ringgit of the next	30,000	21 per cent
For every ringgit of the next	150,000	24 per cent
For every ringgit of the next	150,000	24.5 per cent
For every ringgit exceeding	400,000	25 per cent”;

(ii) dalam perenggan 1A, dengan menggantikan perkataan “26 per cent” dengan perkataan “25 per cent”;

(iii) dalam perenggan 2—

(A) dalam subperenggan (*f*), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “26 per cent for the year of assessment 2008 and 25 per cent for the subsequent years of assessment” dengan perkataan “25 per cent for the year of assessment 2015 and 24 per cent for the subsequent years of assessment”;

(iv) dalam perenggan 2A—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “company resident” perkataan “and incorporated”; dan

(B) dalam ruang “*Rate of income tax*” —

(AA) dengan menggantikan perkataan “20 per cent” dengan perkataan “20 per cent for the year of assessment 2015 and 19 per cent for the subsequent years of assessment”; dan

(BB) dengan menggantikan perkataan “26 per cent for the year of assessment 2008 and 25 per cent for the subsequent years of assessment” dengan perkataan “25 per cent for the year of assessment 2015 and 24 per cent for the subsequent years of assessment”; dan

(v) dalam perenggan 2D, dalam ruang “*Rate of Income Tax*” —

(A) dengan menggantikan perkataan “20 per cent” dengan perkataan “20 per cent for the year of assessment 2015 and 19 per cent for the subsequent years of assessment”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “25 per cent” dengan perkataan “25 per cent for the year of assessment 2015 and 24 per cent for the subsequent years of assessment”; dan

(b) dalam Bahagian IV, dalam ruang “*Rate of income tax*” —

(i) dengan menggantikan perkataan “20 per cent” dengan perkataan “18 per cent”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “22 per cent” dengan perkataan “21 per cent”;

(iii) dengan menggantikan perkataan “24 per cent” dengan perkataan “23 per cent”; dan

(iv) dengan menggantikan perkataan “25 per cent” dengan perkataan “24 per cent”.

Pindaan Jadual 3**21. Jadual 3 kepada Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subperenggan 8(1), dengan menggantikan perkataan “incurred by a person” dengan perkataan “incurred only by a person who has a concession or licence to extract timber”; dan
- (b) dalam subperenggan 19A(1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “one thousand” dengan perkataan “one thousand three hundred”;
 - (ii) dalam proviso kepada subperenggan 19A(1), dengan menggantikan perkataan “ten thousand” dengan perkataan “thirteen thousand”; dan
 - (iii) dalam proviso kepada subperenggan 42(1), dengan menggantikan perkataan “within three months (or within such further period as the Director General may allow) of the beginning of the year of assessment in the basis period for which that expenditure was incurred by notice in writing delivered to the Director General elect” dengan perkataan “elect in a return for the basis period for a year of assessment in which the expenditure was incurred”.

Pindaan Jadual 6**22. Jadual 6 kepada Akta Ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan 12B, dengan menggantikan perkataan “this Act” dengan perkataan “ascertaining the adjusted income of the person”;
- (b) dalam perenggan 20A, dengan memasukkan selepas perkataan “Central Bank of Malaysia” perkataan “and any adjusted loss from the investment in respect of the deferred annuity shall be disregarded for the purposes of the Act”; dan

- (c) dalam perenggan 35A, dengan memasukkan selepas perkataan “Islamic Banking Act 1983” perkataan “, or any development financial institution regulated under the Development Financial Institutions Act 2002.”.

Pindaan Jadual 7A

23. Jadual 7A kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 2A—

- (i) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subperenggan (1); dan
- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) The allowance which is deemed to have not been given under subparagraph (1) shall be part of the person’s statutory income in the basis period for the year of assessment in which such asset is disposed of.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 4 perenggan yang berikut:

“4A. Statutory income referred to in paragraphs 3 and 4 shall be construed as the amount of statutory income of a person from a source consisting of a business in respect of a qualifying project referred to in paragraph 8.”.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

24. (1) Seksyen 25 mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Seksyen 26 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Pindaan seksyen 39

25. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 39 dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) The Director General, where for any year of assessment it appears to him that no or no sufficient assessment has been made on a chargeable person chargeable to tax in consequence of the Director General’s determination pursuant to subsection 72A(3), may in that year or within seven years after its expiration make an assessment or additional assessment, as the case may be, in respect of that chargeable person in the amount or additional amount of chargeable income and tax or in the additional amount of tax in which, according to the best of the Director General’s judgment, the assessment with respect to that chargeable person ought to have been made for that year.”.

Pindaan seksyen 49A

26. Subseksyen 49A(16) Akta ibu dipinda dalam takrif “due date” dengan menggantikan perkataan “tenth” dengan perkataan “fifteenth”.

BAB IV**PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA
TANAH 1976****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan
Harta Tanah 1976**

27. Seksyen 28 dan 29 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Pindaan seksyen 21B

28. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 21B(1) dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “tiga”.

Pindaan Jadual 2

29. Jadual 2 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan 4(3), dengan menggantikan subsubperenggan (d) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(d) nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh kematian orang yang mati itu yang disebut dalam subperenggan 19(3)”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan 12 dengan perenggan yang berikut:

“**12.** (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), jika seseorang pemberi melupuskan sesuatu aset dengan cara pemberian kepada seseorang penerima, pelupusan itu hendaklah disifatkan sebagai pelupusan mengikut nilai pasaran aset itu.

(2) Jika pemberi dan penerima yang disebut dalam subperenggan (1) ialah suami dan isteri, ibu atau bapa dan anak, atau datuk atau nenek dan cucu—

(a) pemberi itu hendaklah disifatkan telah tidak menerima apa-apa keuntungan dan tidak menanggung apa-apa kerugian atas pelupusan itu;

(b) dalam hal pemberi yang bukan merupakan seorang warganegara atau pemastautin tetap, penerima hendaklah disifatkan telah memperoleh aset itu pada suatu harga perolehan yang sama dengan harga perolehan yang dibayar oleh pemberi itu dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang ditanggung oleh pemberi itu; dan

(c) dalam hal pemberi yang merupakan seorang warganegara atau pemastautin tetap dan pemberian itu dibuat dalam tempoh lima tahun selepas tarikh pemerolehan oleh pemberi itu, penerima hendaklah disifatkan

telah memperoleh aset itu pada suatu harga perolehan yang sama dengan harga perolehan yang dibayar oleh pemberi itu dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang ditanggung oleh pemberi itu.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”) dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

1. *Fasal 4* bertujuan untuk menggubal semula proviso kepada subseksyen 5(1) Akta 53 sebagai subseksyen baru 5(1A). Subseksyen baru 5(1A) juga memperuntukkan bahawa apa-apa amaun yang diterima oleh seseorang yang dikenakan cukai di bawah seksyen 109G Akta 53 tidak akan diambil kira bagi maksud menentukan pendapatannya yang boleh dikenakan cukai. Pada masa ini, hanya pendapatan yang dikenakan cukai di bawah seksyen 109C atau 109E Akta 53 yang tidak diambil kira.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta 53.

Perenggan 5(a)(ii) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 29(3)(aa) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika pendapatan kasar daripada suatu punca di Malaysia bagi orang yang berkenaan mengandungi faedah yang berhubungan dengan suatu pinjaman antara individu yang mempunyai hubungan persaudaraan antara satu sama lain, orang yang berkenaan itu disifatkan berupaya untuk mendapatkan atas permintaan penerimaan faedah itu apabila faedah itu kena dibayar kepada orang yang berkenaan itu dalam tempoh berkenaan.

Subfasal 5(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 29(4) dan (5) ke dalam Akta 53. Subseksyen 29(4) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika orang yang berkenaan itu berhak kepada apa-apa pendapatan kasar yang terakru di atau yang diperoleh daripada Malaysia yang baginya seksyen 25, seksyen 27 selain subseksyen 27(1A), atau seksyen 28 Akta 53 terpakai (seperti pendapatan kasar daripada penggajian, faedah, diskaun, sewa, royalti atau apa-apa pencen, anuiti atau bayaran berkala yang lain), orang itu disifatkan berupaya untuk mendapatkan atas permintaan penerimaan

amaun itu dalam tempoh asas sebaik selepas tempoh berkenaan jika amaun itu pertama kali menjadi boleh diterima oleh orang yang berkenaan itu dalam tempoh berkenaan. Pendapatan kasar dalam subseksyen 29(4) yang dicadangkan adalah berhubung dengan transaksi yang melibatkan orang yang salah seorang daripadanya mempunyai kawalan ke atas yang lain, antara individu yang mempunyai hubungan persaudaraan antara satu sama lain atau antara orang yang keduanya dikawal oleh orang lain. Subseksyen 29(5) yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan takrif “relative” dan “transaction”.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 46(1) Akta 53.

Subfasal 6(a) bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(d) Akta 53 untuk menaikkan potongan peribadi bagi seseorang individu daripada maksimum lima ribu ringgit kepada enam ribu ringgit berkenaan dengan pembelian apa-apa kelengkapan sokongan asas yang perlu bagi kegunaan individu itu sendiri, jika dia ialah seorang orang kurang upaya, atau suami atau isteri individu itu, anak atau ibu atau bapa yang merupakan orang kurang upaya.

Subfasal 6(b) bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(g) Akta 53 untuk menaikkan potongan peribadi bagi seseorang individu daripada maksimum lima ribu ringgit kepada enam ribu ringgit berkenaan dengan perbelanjaan perubatan yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan di bawah subseksyen 46(3) Akta 53 oleh individu itu ke atas dirinya, jika dia menghidap penyakit serius, atau ke atas suami atau isterinya atau anaknya yang menghidap suatu penyakit serius.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda perenggan 48(2)(b) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini memperuntukkan kenaikan potongan daripada lima ribu ringgit kepada enam ribu ringgit untuk seseorang individu bagi pembiayaan setiap anaknya yang belum berkahwin yang dibuktikan sebagai kurang upaya dari segi fizikal atau mental.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 60(4c) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi dana hayat, dana pemegang saham atau perniagaan am yang disebut dalam subseksyen 60(3), (3A), (4), (4A), (5) atau (6) Akta 53, mengikut mana-mana yang berkenaan, kos bagi memperoleh dan merealisasikan apa-apa pelaburan atau hak bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah termasuk perbelanjaan yang dilakukan dalam menguruskan pelaburan atau hak itu. Subseksyen 60(4c) yang dicadangkan selanjutnya memperuntukkan formula untuk menentukan perbelanjaan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 60^{AA} Akta 53.

Subfasal 9(a) bertujuan untuk meminda subperenggan 60^{AA}(5)(b)(iii) dan (viii) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam menentukan pendapatan larasan bagi dana am berkenaan dengan perniagaan am pengendali takaful yang bermastautin di Malaysia, komisen yang kena dibayar dan diskaun yang dibenarkan, dan perbelanjaan pengurusan yang dilakukan, oleh pengendali takaful berkaitan dengan perniagaan amnya yang dijalankan mengikut prinsip *mudharabah* adalah dibenarkan sebagai potongan.

Perenggan 9(b)(i) bertujuan untuk meminda subperenggan 60^{AA}(7)(b)(iii) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam menentukan pendapatan larasan bagi dana am berkenaan dengan perniagaan am pengendali takaful yang tidak bermastautin di Malaysia, apa-apa komisen yang kena dibayar atau diskaun yang dibenarkan oleh pengendali takaful itu berkaitan dengan sijil am Malaysia yang dikeluarkan oleh pengendali takaful itu berkenaan dengan perniagaan am itu yang dijalankan mengikut prinsip *mudharabah* adalah dibenarkan sebagai potongan.

Perenggan 9(b)(ii) bertujuan untuk meminda subperenggan 60^{AA}(7)(b)(viii) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam menentukan pendapatan larasan bagi dana am berkenaan dengan perniagaan am pengendali takaful yang tidak bermastautin di Malaysia, apa-apa perbelanjaan pengurusan yang dilakukan oleh pengendali takaful itu berkaitan dengan perniagaan am yang dijalankan mengikut prinsip *mudharabah* adalah dibenarkan sebagai potongan.

Subperenggan 9(c)(i)(A) dan (C) bertujuan untuk meminda subperenggan 60^{AA}(9)(a)(iii) Akta 53 dan untuk memasukkan subperenggan baru 60^{AA}(9)(a)(vi) ke dalam Akta 53, masing-masing. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam menentukan pendapatan larasan bagi dana pemegang saham pengendali takaful yang bermastautin di Malaysia, suatu amaun pendapatan kasar berkenaan dengan fi *wakalah* atau apa-apa fi lain yang boleh diterima berkaitan dengan dana am, dana takaful semula alir masuk, dana luar pesisir atau dana takaful semula keluarga dan apa-apa fi lain berkenaan dengan dana pelaburan daripada dana keluarga, dan juga amaun lebihan aktuari daripada dana keluarga yang dipindahkan kepada dana pemegang saham hendaklah diambil kira.

Perenggan 9(c)(ii) bertujuan untuk meminda subperenggan 60^{AA}(9)(b)(iii) dan (iv) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam menentukan pendapatan larasan bagi dana pemegang saham pengendali takaful yang bermastautin di Malaysia, apa-apa perbelanjaan pengurusan yang dilakukan, dan apa-apa komisen yang kena dibayar atau diskaun yang dibenarkan, oleh pengendali takaful itu berkaitan dengan perniagaan amnya yang dijalankan mengikut prinsip *wakalah* adalah dibenarkan sebagai potongan.

Subperenggan 9(d)(i)(A) dan (C) bertujuan untuk meminda subperenggan 60AA(10)(a)(iii) Akta 53 dan untuk memasukkan subperenggan baru 60AA(10)(a)(vi) ke dalam Akta 53, masing-masing. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam menentukan pendapatan larasan bagi dana pemegang saham pengendali takaful yang tidak bermastautin di Malaysia, suatu amaun pendapatan kasar berkenaan dengan fi *wakalah* atau apa-apa fi lain yang boleh diterima berkaitan dengan dana am, dana takaful semula alir masuk, dana luar pesisir atau dana takaful semula keluarga dan apa-apa fi lain berkenaan dengan dana pelaburan daripada dana keluarga, dan juga amaun lebih aktuari daripada dana keluarga yang dipindahkan kepada dana pemegang saham hendaklah diambil kira.

Perenggan 9(d)(ii) bertujuan untuk meminda subperenggan 60AA(10)(b)(iii) dan (iv) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam menentukan pendapatan larasan bagi dana pemegang saham pengendali takaful yang tidak bermastautin di Malaysia, apa-apa perbelanjaan pengurusan yang dilakukan, dan apa-apa komisen yang kena dibayar atau diskaun yang dibenarkan, oleh pengendali takaful itu berkaitan dengan perniagaan amnya yang dijalankan mengikut prinsip *wakalah* adalah dibenarkan sebagai potongan.

Subfasal 9(e) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 60AA(10A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi dana keluarga, dana am atau dana pemegang saham yang disebut dalam subseksyen 60AA(3), (4), (5), (7), (9) atau (10) Akta 53, mengikut mana-mana yang berkenaan, kos bagi memperoleh dan merealisasikan apa-apa pelaburan atau hak bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah termasuk perbelanjaan yang dilakukan dalam menguruskan pelaburan atau hak itu. Subseksyen 60AA(10A) yang dicadangkan selanjutnya memperuntukkan formula untuk menentukan perbelanjaan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 60I(3A) ke dalam Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk menjelaskan bahawa suatu syarikat yang menubuhkan suatu pengantara bertujuan khas semata-mata bagi maksud penerbitan sekuriti Islam adalah juga termasuk suatu unit amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai Amanah Pelaburan Harta Tanah atau Dana Amanah Harta.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 75B(3) dan (4) ke dalam Akta 53.

Subseksyen 75B(3) yang dicadangkan bertujuan untuk menjelaskan bahawa tiap-tiap pekongsi sesuatu perkongsian hendaklah terus boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai secara sendiri bagi suatu tahun taksiran yang dalamnya perkongsian itu telah bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad dan bagi mana-mana tahun taksiran terdahulu sebelum penukaran itu berkenaan dengan

pendapatannya yang boleh dikenakan cukai bagi mana-mana tahun taksiran itu dan bahawa suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang dalamnya syarikat itu telah bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad dan bagi mana-mana tahun taksiran terdahulu sebelum penukaran itu berkenaan dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi syarikat itu bagi mana-mana tahun taksiran itu.

Subseksyen 75B(4) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika perkongsian liabiliti terhad boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai berkenaan dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi syarikat yang telah bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad itu di bawah perenggan 75B(3)(b) yang dicadangkan, perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai mengikut cara yang sama dan bagi amaun yang sama sebagaimana syarikat itu sepatutnya ditaksir dan dikenakan cukai sebelum penukaran itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda perenggan 77C(1)(a) dan (c) Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, seseorang individu boleh memilih untuk tidak mengemukakan suatu penyata bagi suatu tahun taksiran jika individu itu hanya mempunyai pendapatan berkenaan dengan laba atau keuntungan daripada suatu penggajian dan individu itu dibayar gaji oleh majikan yang sama dalam tahun taksiran itu tanpa mengira tempoh penggajian.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 91(5) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, Ketua Pengarah boleh membuat taksiran atau taksiran tambahan bagi suatu tahun taksiran dalam tahun taksiran itu atau dalam tempoh tujuh tahun selepas berakhirnya tahun taksiran itu jika dia mendapati tiada taksiran atau tiada taksiran yang mencukupi telah dibuat ke atas orang yang boleh dikenakan cukai berbangkit daripada penentuan Ketua Pengarah menurut subseksyen 140A(3) Akta 53 berhubung dengan suatu transaksi yang dibuat antara orang berkaitan secara tidak selengan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 99(4) Akta 53 dengan membenarkan rayuan dibuat oleh seseorang yang terkilan dengan taksiran yang dibuat berkenaan dengannya di bawah subseksyen 90(1) atau seksyen 91A Akta 53 akibat daripada mematuhi apa-apa amalan Ketua Pengarah yang secara amnya digunakan pada masa taksiran itu dibuat.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

12. *Subfasal 15(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 107C(4A) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa kewajipan untuk mengemukakan suatu anggaran cukai yang kena dibayar mengikut subseksyen 107C(1), (2) dan (3) Akta 53 adalah tidak terpakai bagi syarikat

yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang pertama kali memulakan operasinya dalam tahun taksiran bagi suatu tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 107c(4A)(a), (b) atau (c) jika kehendak tertentu dipatuhi.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Subfasal 15(b) bertujuan untuk meminda takrif “due date” dalam subseksyen 107c(12) Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, tarikh akhir untuk membayar ansuran di bawah seksyen 107c dilanjutkan daripada hari kesepuluh bulan kalendar kepada hari kelima belas bulan kalendar.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

13. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 110c ke dalam Akta 53. Pada masa ini, pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu dana keluarga pengendali takaful dikenakan cukai pada kadar lapan peratus. Bagi mengelakkan pencukaian dua kali, pindaan yang dicadangkan ini memperuntukkan bahawa jika lebih aktuari daripada dana keluarga pengendali takaful dipindahkan kepada dana pemegang saham, bahagian lebih yang telah dikenakan cukai dalam dana keluarga itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu tolakan terhadap cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pengendali takaful itu berkenaan dengan dana pemegang sahamnya daripada perniagaan keluarga.

Pindaan ini mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda subseksyen 112(1) Akta 53 untuk menaikkan jumlah denda maksimum daripada dua ribu ringgit kepada dua puluh ribu ringgit bagi kesalahan tidak mengemukakan penyata mengikut subseksyen 77(1) atau 77A(1) Akta 53, atau tidak memberikan notis mengikut subseksyen 77(3) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

15. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda subseksyen 115(1) Akta 53 untuk menaikkan jumlah denda maksimum daripada dua ribu ringgit kepada dua puluh ribu ringgit bagi kesalahan meninggalkan atau cuba untuk meninggalkan Malaysia dengan sengaja tanpa membayar cukai, jumlah dan hutang yang dinyatakan dalam sijil yang dikeluarkan kepada seseorang di bawah seksyen 104, dan bagi kesalahan meninggalkan atau cuba untuk meninggalkan Malaysia dengan sengaja tanpa mengemukakan cagaran yang memuaskan Ketua Pengarah bagi pembayaran cukai, jumlah dan hutang itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

16. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda subseksyen 120(1) Akta 53 untuk menaikkan jumlah denda maksimum daripada dua ribu ringgit kepada dua puluh ribu ringgit bagi kesalahan yang dinyatakan dalam perenggan 120(1) (a), (b), (c), (d), (e) atau (f) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

17. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda Jadual 1 kepada Akta 53.

Perenggan 20(a)(i) bertujuan untuk meminda perenggan 1 Bahagian I Jadual 1 untuk memperuntukkan kadar cukai baharu yang hendaklah dikenakan bagi suatu tahun taksiran ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seseorang selain orang yang disebut di bawah perenggan 1A, 2, 2A, 2D, 3 dan 4 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53.

Perenggan 20(a)(ii) bertujuan untuk meminda perenggan 1A Bahagian I Jadual 1 untuk mengurangkan kadar cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seseorang (selain suatu syarikat) yang tidak bermastautin daripada 26 peratus kepada 25 peratus.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 20(a)(iii) bertujuan untuk meminda perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi sesuatu syarikat, badan amanah, wasi, penerima dan perkongsian liabiliti terhad sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 2(a) hingga (f) Bahagian I Jadual 1 pada kadar 25 peratus bagi tahun taksiran 2015 dan 24 peratus bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 20(a)(iv)(A) bertujuan untuk meminda perenggan 2A Bahagian I Jadual 1 untuk mengenakan kadar cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2A Bahagian I ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi sesuatu syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia sahaja yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Subperenggan 20(a)(iv)(B) bertujuan untuk meminda perenggan 2A Bahagian I Jadual 1 untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi sesuatu syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pada kadar 20 peratus bagi tahun taksiran 2015 dan 19 peratus bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya bagi tiap-tiap ringgit bagi lima ratus ribu ringgit yang pertama, dan pada kadar 25 peratus bagi tahun taksiran 2015 dan 24 peratus bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi lima ratus ribu ringgit.

Subperenggan 20(a)(v) bertujuan untuk meminda perenggan 2D Bahagian I Jadual 1 untuk mengenakan cukai ke atas sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang bermastautin di Malaysia yang mempunyai jumlah sumbangan modal (sama ada berbentuk tunai atau barangan) sebanyak dua juta lima ratus ribu

ringgit dan kurang pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pada kadar 20 peratus bagi tahun taksiran 2015 dan 19 peratus bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya bagi tiap-tiap ringgit bagi lima ratus ribu ringgit yang pertama, dan pada kadar 25 peratus bagi tahun taksiran 2015 dan 24 peratus bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi lima ratus ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 20(b) bertujuan untuk meminda Bahagian IV Jadual 1 untuk mengurangkan kadar cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi sesuatu koperasi.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

18. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda Jadual 3 Akta 53.

Subfasal 21(a) bertujuan untuk meminda subperenggan 8(1) Jadual 3 untuk menjelaskan bahawa perbelanjaan hutan yang layak bagi maksud Jadual 3 ialah perbelanjaan modal bagi pembinaan jalan dan bangunan di dalam hutan yang dilakukan hanya oleh seseorang yang mempunyai konsesi atau lesen untuk mengeluarkan balak.

Perenggan 21(b)(i) bertujuan untuk meminda subperenggan 19A(1) Jadual 3 untuk menaikkan nilai aset bernilai kecil yang layak bagi suatu elaun di bawah perenggan 19A daripada satu ribu ringgit kepada satu ribu tiga ratus ringgit.

Perenggan 21(b)(ii) bertujuan untuk meminda proviso kepada subperenggan 19A(1) Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa jika jumlah perbelanjaan loji yang layak berkenaan dengan aset bernilai kecil melebihi amaun tiga belas ribu ringgit, jumlah keseluruhan elaun yang hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah bersamaan dengan amaun itu iaitu tiga belas ribu ringgit.

Perenggan 21(b)(iii) bertujuan untuk meminda proviso kepada subperenggan 42(1) Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa jika perbelanjaan yang dilakukan oleh seseorang ke atas pembinaan suatu bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman yang dianggap sebagai suatu bangunan industri adalah juga merupakan suatu perbelanjaan pertanian yang layak dan perbelanjaan hutan yang layak, orang itu dibenarkan untuk memilih elaun bangunan industri, elaun pertanian atau elaun hutan, dalam suatu penyata bagi tempoh asas suatu tahun taksiran yang dalamnya perbelanjaan itu dilakukan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

19. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda Jadual 6 kepada Akta 53.

Subfasal 22(a) bertujuan untuk meminda perenggan 12B untuk menjelaskan bahawa apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan apa-apa dividen yang dikecualikan di bawah perenggan itu hendaklah tidak diambil kira bagi maksud menentukan pendapatan larasan seseorang itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Subfasal 22(b) bertujuan untuk meminda perenggan 20A Jadual 6 untuk menjelaskan bahawa apa-apa kerugian larasan daripada suatu pelaburan berkenaan dengan suatu anuiti tertanggung yang disebut dalam perenggan 20A hendaklah tidak diambil kira bagi maksud Akta 53.

Subfasal 22(c) bertujuan untuk meminda perenggan 35A Jadual 6 bagi memperuntukkan bahawa pendapatan daripada suatu unit amanah berkenaan dengan faedah yang diperolehi daripada Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 adalah dikecualikan daripada cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

20. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda Jadual 7A kepada Akta 53.

Perenggan 23(a)(ii) bertujuan untuk memasukkan subperenggan baru 2A(2) ke dalam Jadual 7A dengan memperuntukkan bahawa elaun yang disifatkan sebagai tidak dibenarkan di bawah subperenggan (1) sebagaimana yang dinomborkan semula hendaklah menjadi sebahagian daripada pendapatan berkanun seseorang itu dalam tahun asas bagi tahun taksiran yang dalamnya aset itu dilupuskan.

Subfasal 23(b) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 4A ke dalam Jadual 7A untuk menjelaskan bahawa elaun pelaburan semula di bawah perenggan 3 dan 4 Jadual 7A hanya terpakai bagi pendapatan berkanun daripada suatu perniagaan berkenaan dengan projek yang layak yang disebut dalam perenggan 8 Jadual 7A.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

21. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 39(5) ke dalam Akta 543. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, Ketua Pengarah boleh membuat taksiran atau taksiran tambahan bagi suatu tahun taksiran dalam tahun taksiran itu atau dalam tempoh tujuh tahun selepas berakhirnya tahun taksiran itu jika dia mendapati bahawa tiada taksiran atau tiada taksiran yang mencukupi telah dibuat ke atas orang yang boleh dikenakan cukai berbangkit daripada

penentuan Ketua Pengarah menurut subseksyen 72A(3) Akta 543 berhubung dengan suatu transaksi yang dibuat antara orang yang boleh dikenakan cukai dengan seorang yang lain secara tidak selengan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

22. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda takrif “due date” dalam subseksyen 49A(16) Akta 543. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, tarikh akhir untuk membayar ansuran di bawah seksyen 49A dilanjutkan daripada hari kesepuluh bulan kalendar kepada hari kelima belas bulan kalendar.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

23. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda subseksyen 21B(1) Akta 169. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, jumlah yang dipegang simpan berhubung dengan pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 21B Akta 169 dinaikkan daripada dua peratus kepada tiga peratus.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

24. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda Jadual 2 kepada Akta 169.

Subfasal 29(a) bertujuan untuk meminda subsubperenggan (4)(3)(d) Jadual 2 untuk menjelaskan bahawa dalam hal sesuatu aset orang yang mati yang diperoleh sebelum 1 Januari 1970 dilupuskan, nilai pasaran aset itu pada 1 Januari 1970 hendaklah digantikan dengan nilai pasaran aset itu sebagaimana pada tarikh kematian orang yang mati itu.

Subfasal 29(b) bertujuan untuk menggubal semula perenggan 12 Jadual 2 kepada Akta 169. Subsubperenggan baru 12(2)(b) memperuntukkan bahawa dalam hal seseorang pemberi yang bukan merupakan warganegara atau pemastautin tetap, penerima hendaklah disifatkan memperoleh aset itu pada harga perolehan yang bersamaan dengan harga perolehan yang dibayar oleh pemberi itu berserta dengan perbelanjaan yang dibenarkan yang dilakukan oleh pemberi itu.

Subsubperenggan baru 12(2)(c) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa dalam hal seseorang pemberi yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap dan pemberian itu dibuat dalam tempoh lima tahun selepas tarikh pemerolehan oleh pemberi itu, penerima hendaklah disifatkan telah memperoleh aset itu pada harga perolehan yang bersamaan dengan harga perolehan yang dibayar oleh pemberi itu berserta dengan perbelanjaan yang dibenarkan yang dilakukan oleh pemberi itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

AM

25. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2945]